

# BUKIT AMAN

Berintegriti



Beretika



Amanah


[www.rmp.gov.my](http://www.rmp.gov.my)



## Hari Polis ke-208 Tahun: “Polis Dan Masyarakat Berpisah Tiada”



# SIDANG REDAKSI 2015



## Editor

ACP Datin Asmawati Ahmad

## Penolong Editor

DSP Arshad Mat  
ASP Aruwan Md Amilah  
ASP Mohd Zaki Abu Bakar

## Staf Penerbitan

SM Zakaria Muhammad  
Kpl. Mohamad Wahid Mat Din  
Kpl. Aslam Syir Khan Fairuz Khan  
Kpl. Mohd Azahar Ahmad Suhaimi  
L/Kpl. Mohd Iqbal Nasruddin  
Konst. Sartish Menon Sivaraman  
PPN17 Shimatul Aida Maamor

## Pereka Grafik

Nasrul Hafiz Suliman

## Alamat Surat-menyurat

Unit Penerbitan & Publisiti  
Urus Setia KPN (Komunikasi Korporat)  
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia  
Bukit Aman 50560  
Kuala Lumpur

Tel: 03-2266 8325/8329

Faks: 03-2266 8330

## Dicetak oleh

Attin Press Sdn bhd

# Editorial



Alhamdulillah, segala puji syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah izinNya kita semua masih diberi kesempatan untuk sekali lagi menyambut Hari Polis Ke-208 pada tahun ini.

Dalam masa yang sama, warga PDRM perlu merubah minda dan cara bekerja kepada budaya kerja kelas pertama berasaskan pemikiran di luar kotak kebiasaan serta harus melakukan perubahan asas dalam strategi dan juga pemikiran.

Ia sangat bertepatan dengan tema Sambutan Hari Polis pada tahun ini iaitu "Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada". Ini kerana, dalam hidup kita seharian, kita sebagai warga polis sentiasa bersedia untuk memberikan khidmat terutamanya kepada masyarakat, tidak kira bila dan di mana sahaja kita berada. Begitulah juga kita sebagai warga polis juga amat memerlukan masyarakat di dalam mencapai visi dan misi jabatan, terutamanya di dalam menjaga keamanan dan ketenteraman negara.

PDRM akan terus menekankan konsep pencegahan dan pembanterasan jenayah yang bersifat lebih holistik. Ini kerana PDRM sedang dalam proses transformasi daripada sebuah pasukan keselamatan kepada sebuah perkhidmatan kepolisan yang berorientasikan masyarakat. Jelas sekali, perkhidmatan polis tidak akan berjaya tanpa sokongan masyarakat.

Maka, kita berharap akan terus cemerlang dengan tekad untuk bekerja dan berusaha dengan lebih keras bagi memenuhi ekspektasi dan harapan masyarakat terhadap PDRM.

Selamat membaca.

# KANDUNGAN

## Berita Bukit Aman BIL. 1/2015

• <b>Fokus:</b> Polis Dan Masyarakat Berpisah Tiada	<b>04-05</b>	• PDRM- ATM Tingkat Keupayaan Saling Khidmat Melalui MNCTX	<b>20</b>
• <b>Dari Perspektif KPN:</b> Khidmat Masyarakat PDRM	<b>06</b>	• 144 Buah Motosikal Bantu ATM Cegah Jenayah Di Bawah Inisiatif NBOS	<b>21</b>
• <b>Pengiktirafan:</b> KPN Trima Pingat Kelas Pertama Raja Thailand	<b>07</b>	• <b>Menyusuri Teknologi:</b> Persembahan Humdinga (High Speed Amphibian) & Quadski XI	<b>22</b>
• Anugerah 'Award Of Prominence For Leadership In Public Services'	<b>08</b>	• KPN Puji Usaha Syarikat Daisheng Terap Nilai Kepolisan Dalam Produk	<b>23</b>
• PDRM Terima Anugerah Malaysia's Top 30 Green Catalysts	<b>08</b>	• <b>Kejayaan:</b> STING-JJSJN Patahkan Cubaan Seludup Daun 'Khat'	<b>24</b>
• <b>Aktiviti:</b> Polis dan Masyarakat: PDRM Bantu Mangsa Banjir	<b>09</b>	• Pasukan Polis Marin: Tiada Hari Tanpa Kejayaan	<b>25</b>
• Nasib Mangsa Banjir Terbelah	<b>10</b>	• <b>PERKEP:</b> Ringankan Beban Mangsa Banjir	<b>26</b>
• Yayasan Pengaman Malaysia Ringankan Beban Mangsa Banjir Keluarga Polis	<b>10</b>	• Sepetang Bersama Selebriti	<b>27</b>
• PDRM Terima Sumbangan Kemanusiaan	<b>11</b>	• Jom Memasak PERKEP Bersama Madam Chung Bee Bee	<b>27</b>
• Kunjungan Hormat	<b>12-13</b>	• <b>Sukan:</b> Rujirawongse Cup 2015: Simbol Persahabatan PDRM-RTP	<b>28</b>
• Malam Mes Sempena Peringatan Hari Polis Ke - 208	<b>14-15</b>	• The Cops Sasarkan Sekurang-Kurangnya Satu Piala	<b>29</b>
• Sambutan Sempena Peringatan Hari Polis Ke-208 Disambut Sederhana	<b>16-17</b>	• Atlet PDRM Diraikan	<b>30</b>
• <b>Kolaborasi:</b> PDRM-RTM Perkukuhkan Kerjasama	<b>18</b>	• <b>Ilustrasi Tema Hari Polis:</b> "Polis Dan Masyarakat Berpisah Tiada"	<b>31</b>
• Majlis Graduasi Pertama Program Latihan Asas Kepolisan (PLAK) PDRM / University Of Derby 2015	<b>19</b>	• <b>Info Kesedaran Jenayah</b> Tunjuk, Henti & Samun	<b>32</b>



# POLIS DAN MASYARAKAT

## *Berpisah Tiada*

Polis Diraja Malaysia (PDRM) mendukung konsep Kepolisan Masyarakat (Community Policing) ke arah mewujudkan dan melahirkan kefahaman kepercayaan dan tanggungjawab dua hala antara polis dan masyarakat dalam usaha pencegahan jenayah.

Dalam masa yang sama, warga PDRM perlu merubah minda dan cara bekerja kepada budaya kerja kelas pertama berasaskan pemikiran di luar kotak kebiasaan dan harus melakukan perubahan asas dalam strategi dan juga pemikiran mereka.

Tiga fokus utama iaitu memelihara ketenteraman awam, mengurangkan jenayah dan memantapkan integriti dalam pasukan harus terus dijunjung.

Pastinya tiga fokus tersebut menepati misi dan visi PDRM iaitu sebagai agensi yang memberi perkhidmatan profesional dan berkualiti dalam melindungi negara dan menjamin persekitaran selamat kepada masyarakat.

Selaras dengan tema 'Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada' adalah untuk memberi kesedaran ke atas

keperluan tanggungjawab bersama di antara masyarakat dan polis ke arah mengurang serta meniadakan peluang jenayah berlaku.

PDRM sentiasa bersedia untuk memberikan khidmat terutamanya kepada masyarakat, tidak kira bila dan di mana jua malah warga PDRM juga amat memerlukan masyarakat di dalam mencapai visi dan misi jabatan, terutamanya di dalam menjaga keamanan dan ketenteraman negara

Konsep ini juga bertujuan menggalakkan jalinan yang jujur dan

sihat antara polis dan masyarakat dan seterusnya membabitkan kerjasama erat daripada semua pihak berwajib dalam usaha membanteras dan mengurangkan jenayah selain memberi kesedaran keselamatan kepada masyarakat umum melalui program atau inisiatif pencegahan jenayah yang lebih tersusun dan terfokus.

Masyarakat memerlukan polis untuk menjaga keselamatan dan kepentingan mereka manakala kita pula memerlukan masyarakat untuk membantu kita melaksanakan tugas



dan tanggungjawab kita supaya selari dengan kehendak dan aspirasi mereka dalam sebuah negara yang aman dan tenteram.

Sehubungan itu, harus wujud kerjasama yang erat serta kesepakatan yang padu antara kita dan anggota masyarakat. Hubungan baik ini harus bermula di peringkat bawah, khususnya mereka yang berurusan langsung dengan masyarakat seperti di balai polis.

Usaha ini juga selari dengan tuntutan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk mengurangkan kadar jenayah melalui pelbagai pendekatan seperti High Profile Policing, Stop And Talk, Meet And Greet, Rakan Cop dan Go To Safety Point.

Keberkesanan program yang dilaksanakan amat memerlukan perancangan sistematik, perubahan minda dan persepsi masyarakat serta sikap positif dan komitmen kedua-dua pihak antara polis dan masyarakat. Yang jelas, konsep ini mempunyai serampang dua mata iaitu mewujudkan kerjasama polis dengan komuniti dan mempertingkatkan lagi keberkesanan mencegah jenayah.

PDRM akan terus menekankan konsep pencegahan dan pembanterasan jenayah yang bersifat lebih holistik kerana PDRM sedang dalam proses transformasi daripada sebuah pasukan keselamatan kepada sebuah perkhidmatan kepolisan yang berorientasikan masyarakat. Jelas sekali, perkhidmatan polis tidak akan berjaya tanpa sokongan masyarakat.

Seluruh warga PDRM akan terus melaksanakan amanah yang diberi dengan penuh dedikasi, bertunjangan integriti dan berlandaskan etika perkhidmatan selaku pencetus, penggerak dan pemegang amanah kepada keselamatan dan kesejahteraan negara.

Kepercayaan masyarakat terhadap pasukan harus dikembalikan dan segala usaha ke arah memasyarakatkan polis dan mempoliskan masyarakat perlu dimartabatkan supaya sama-sama dapat kita menjaga keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.

**-Editor-**

## Dari Bukit Aman

Oleh Tan Sri Khalid Abu Bakar



# Khidmat masyarakat PDRM

**A**ssalamualaikum, salam sejahtera, salam IMAlaysia dan selamat bertemu kembali. Pembaca yang budiman, Islam amat menitik beratkan aspek kebajikan dalam kehidupan seharian, yang berkait rapat dengan konsep kehidupan bermasyarakat, iaitu tanggungjawab sosial sesama manusia. Ini jelas dalam firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan sesiapa yang menjaga kehidupan manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga kehidupan manusia semuanya." (al-Maidah: 32)

Polis Diraja Malaysia (PDRM) melihat tanggungjawab hisbah untuk menjaga keselamatan dan keamanan negara sebagai satu ibadah manakala memelihara kebajikan dan kesejahteraan masyarakat sebagai amal jariah yang dituntut oleh agama. Kedua-dua tanggungjawab dunia dan akhirat ini dititikberatkan sebagai menyempurnakan peranan PDRM sebagai khalifah di bumi ini. Atas dasar inilah PDRM sudah menggerakkan pelbagai bentuk usaha untuk membantu mangsa banjir yang melanda pantai timur baru-baru ini supaya mereka dapat menjalani kehidupan seharian seperti biasa.

Dalam artikel kali ini, saya berasa bangga untuk berkongsi dengan pembaca, kerja amal yang dilaksanakan PDRM melalui pembabitn pegawai dan anggota Batalion 9, Pasukan Gerakan Am (PGA), Briged Tenggara, dalam membina semula sebuah surau yang musnah di Kg Nal, Kuala Krai, Kelantan dalam bencana banjir baru-baru ini. Surau Kg Nal ini pada asalnya dibina pada tahun 1977 di atas tanah Tuan Haji Sopa Mamat yang juga penjaja surau. Pembinaan surau ini mengambel masa selama dua tahun untuk disiapkan menggunakan kayu dan papan.

Seawal 11 Januari 2015, sepasukan pegawai dan anggota Batalion 9, PGA Briged Tenggara sudah berada di tapak Surau Kg Nal, Kuala Krai, Kelantan untuk melaksanakan kerja pembersihan. Melihat pada kesan kemusnahan teruk pada surau berkenaan, maka timbullah hasrat untuk membina masjid baru bagi memudahkan masyarakat setempat menuaikan ibadah. Sehubungan itu, Pegawai Pemerintah Batalion 9, PGA Briged Tenggara dengan sokongan Komander Briged Tenggara, mengadakan beberapa siri perbincangan dengan wakil penduduk Kampung Tok Jembal, Kuala Terengganu bagi membuat perancangan rapi dan persediaan untuk menajayakan projek khidmat masyarakat pembinaan semula Surau Kampung Nal.



SURAU Kampung Nal rosak teruk dikanda banjir.

WAJAH baru Surau Kampung Nal selepas dibina semula.



KERIA ikut kerja dilakukan anggota Batalion 9.

KERIA pembersihan dan menyiapkan tapak surau.



AZIZAN menyerahkan surau kepada wakil penduduk.

### Sumbangan dan derma

Perancangan yang baik disertai dengan keikhlasan untuk membina semula tempat ibadah, serta sokongan daripada penduduk setempat menjadi pembakar semangat kepada warga Batalion 9 merealisasikan hasrat untuk membangun sebuah surau yang baru. Peniaga kecil di daerah Kuala Terengganu dan Kuala Nerus, Terengganu turut menghulurkan sumbangan dalam bentuk bahan binaan manakala beberapa orang perseorangan tampil menghulurkan bantuan kewangan. Malah Kerajaan Negeri Terengganu sendiri turut sama membantu dari aspek sumbangan makanan dan bantuan lain kepada penduduk sekitar Kampung Nal berkenaan walaupun bukan di bawah jajahan pentadbirannya. Penghantaran segala sumbangan bahan

binaan yang diterima dilakukan secara konvol oleh 24 buah Lori kecil bersama muatan pasir, batu, simen, besi dan lain-lain ke Kg Kuala Nal dari Kuala Terengganu. Bagi warga Batalion 9 yang sebahagian mereka sudah berada dan menyaksikan sendiri keadaan di sana sewaktu banjir melanda, mereka juga tidak ketinggalan membuat kutipan dan memberikan sumbangan wang tunai bagi menampung perbelanjaan pembinaan semula Surau Kg Nal.

### Pembinaan semula

Kerja pembersihan dan meruntuhkan surau lama dimulakan pada 11 dan 12 Januari 2015. Dengan diketuai seorang pegawai bersama 30 anggota Batalion 9, Pasukan Gerakan Am, mereka memulakan pembinaan semula surau itu pada

13 Januari 2015. Paling membanggaikan, segala kerja pembinaan seperti membancuh, mertaikan simen lantai, menaikkan dinding bata dan bingkai pintu, kerja pemasangan kayu pengikat siling, menggecat dan plaster dilaksanakan sepenuhnya oleh pegawai dan anggota Batalion 9. Pasukan kerja ini kemudiannya turut mendapat bantuan 15 sukarelawan dari Kuala Terengganu yang membantu dari aspek pemasangan 'tiles' dan pendawaian elektrik.

Selama 22 hari membanting ladat dan tenaga, segala usaha berbaloi apabila pembinaan semula Surau Kg Nal ini berjaya disiapkan sepenuhnya pada 3 Februari 2014. Surau baru yang dibina ini sudah

diberikan nafas baru dari bangunan kayu dan papan kepada bangunan batu serta dilengkapi dengan sistem penghawa dingin, tandas yang sempurna, ruang solat yang lebih luas dan selesa untuk sebarang aktiviti ibadah.

### Majlis penyerahan

Surau Kampung Nal yang siap sepenuhnya diserahkan kepada penduduk kampung di dalam satu majlis penyerahan Surau Kg Nal pada 5 Februari 2015 yang mana penyerahannya disempurnakan Komander Briged Tenggara Datuk Azizlan Taat.

Penugasan khidmat masyarakat pembinaan semula Surau Kg Nal ini diakui berjaya membuka mata dan hati warga PDRM sendiri. Kegembiraan dan kebanggaan yang tidak dapat diluahkan dengan kata-kata lahir apabila melihat tersengam indah surau baru yang bakal digunakan oleh penduduk Kg Nal untuk tujuan ibadah.

Kerjasama membina semula masjid ini bukan sahaja gerak kerja amal yang dituntut oleh agama, malah ia berjaya merapatkan lagi hubungan antara polis dan masyarakat. Segala proses pembinaannya memberikan kenangan manis antara petugas dan penduduk kampung serta jalinan kerjasama yang sedia wujud ini akan sentiasa dikenang dan menjadi sejarah di sanubari warga PDRM amnya dan Batalion 9, Pasukan Gerakan Am, Briged Tenggara khususnya.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada semua petugas, sukarelawan, para pendema dan juga penduduk Kampung Nal Kuala Krai, Kelantan di atas segala kerjasama yang diberikan dalam usaha pembinaan semula Surau Kg Nal. Ini adalah bukti komitmen PDRM kepada masyarakat di mana kami bukan

hanya berusaha untuk menjaga keselamatan negara dan rakyat, malah kami juga akan menunaikan tanggungjawab kami untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan masyarakat.

Sama samalah kita berusaha ke jalan kebajikan dan menjaga kebajikan sesama manusia supaya negara kita sentiasa dirahmati dan diberkati dengan keamanan dan keberkatan.

Semoga segala usaha kita diberkati Allah SWT. Insya Allah.

**Penulis Ketua Polis Negara**

### FAKTA

Diketuai seorang pegawai bersama 30 anggota Batalion 9 kerja pembinaan semula surau bermula pada 13 Januari 2015



**Bangkok, 22 Jan** - Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara, dikurniakan darjah kebesaran kelas pertama Raja Thailand iaitu Knight Grand Cross (First Class) Of The Most Noble Of The Crown Of Thailand oleh Raja Bhumibol Adulyadej.

Penganugerahan itu disampaikan oleh Jeneral Somyot Poompanmoung, Ketua Polis Diraja Thailand, yang mewakili Raja Bhumibol Adulyadej, dalam satu majlis khas yang diadakan di Ibu Pejabat Polis Diraja Thailand, Bangkok.

Anugerah itu sebagai menghargai peranan yang diambil Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar menjalinkan persahabatan dan hubungan mesra antara Malaysia dan Thailand terutama dalam usaha memerangi jenayah.

CP Datuk Pahlawan Zulkifli Abdullah, Pengarah Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi, Polis Diraja Malaysia (PDRM), turut menerima anugerah iaitu darjah kebesaran The Royal Decoration Of Command Of The Most Exalted Order Of The White Elephant Of Thailand, di atas usaha dalam menjalinkan kerjasama PDRM dengan Polis Diraja Thailand (RTP).

Melalui penganugerahan itu juga diharapkan dapat mengukuhkan lagi persahabatan, persefahaman serta kerjasama rasmi antara kerajaan Malaysia dan Thailand.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Puan Sri Datin Sri Imran Ibrahim, isteri Ketua Polis Negara, Dato' Nazirah Hussain, Duta Malaysia, CP Dato' Seri Mohammad Fuzi, Pengarah Jabatan Pengurusan bersama isteri, CP Datuk Seri Mohamad Salleh, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah bersama isteri dan DCP Dato' Ramli Din, Setiausaha Polis Diraja Malaysia (SUPM) bersama isteri.

## KPN TERIMA PINGAT KELAS PERTAMA RAJA THAILAND

Oleh : ASP Md Aruwan Md Amilah



# ANUGERAH 'AWARD OF PROMINENCE FOR LEADERSHIP IN PUBLIC SERVICES'

► Oleh : Sjn Zaidin Dahalan, Kpl Shareel Sharimah



**KUALA LUMPUR, 27 Mac** – Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara telah menerima anugerah 'Award Of Prominence For Leadership In Public Services' di Majlis Pelancaran Alumni Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Polis Diraja Malaysia.

Anugerah telah disampaikan oleh Prof. Dato' Sri Dr. Zaleha Kamarudin, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di Hotel Concorde, Kuala Lumpur.

Hari ini juga adalah hari yang bermakna kerana Polis Diraja Malaysia diberikan keistimewaan untuk menubuhkan Alumni Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dalam perkhidmatan awam.

Pelancaran Alumni Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Polis Diraja Malaysia ini mengimbuai kembali nostalgia 32 tahun yang lalu, di mana 11 orang pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mendaftar masuk ke dalam kampus Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Petaling Jaya.

Sejak tahun 1983, seramai 305 pegawai polis telah berjaya melanjutkan pengajian di UIAM dengan ijazah dalam bidang undang-undang di mana 167 orang pegawai masih berkhidmat dalam PDRM.

"Ramai alumni Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dalam Polis Diraja Malaysia telah berjaya dan memegang jawatan-jawatan penting dan strategik dalam pasukan PDRM dan mereka telah banyak memberi sumbangan yang berharga kepada organisasi dan juga negara", ucap Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara.

Turut hadir di majlis tersebut ialah SDCP Datuk Wira Hj. Hamza bin Taib, Timbalan Pengarah 1, JSJ Komersil merangkap Pro Tem Presiden UIAM PDRM, DCP Dato' Wan Ahmad Najmuddin bin Mohd, Timbalan Pengarah (Perancangan Strategik) JPJJK, Prof. Dr. Wahabuddin Ra'ees, Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kerjaya & Alumni, Prof. Dr. Abdelaziz Berghout, Timbalan Rektor, Pegawai-pegawai Kanan PDRM, Ahli Jawatankuasa serta kakitangan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.



## PDRM TERIMA ANUGERAH MALAYSIA'S TOP 30 GREEN CATALYSTS

► Oleh : Sjn Zaidin Dahalan



**KUALA LUMPUR, 30 Jan - Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerima Anugerah Malaysia's Top**

**30 Green Catalysts kerana menjadi perintis dan model yang pertama kepada agensi-agensi kerajaan yang lain dalam melopori pelaksanaan Amalan Hijau dan Aplikasi Teknologi Hijau dalam satu majlis yang di adakan di Hotel Majestic, Kuala Lumpur.**

Majlis penyampaian anugerah yang penuh gemilang itu telah disampaikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor kepada Dato' Sri Noor Rashid bin Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara yang mewakili Polis Diraja Malaysia.

Majlis anjuran Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia) ini bertujuan untuk mengiktiraf dan memberi penghormatan kepada syarikat, organisasi dan individu yang telah memberi sumbangan yang penting dalam aspek alam sekitar, ekonomi dan sosial dalam sektor teknologi hijau negara.

Turut hadir di majlis tersebut, DCP Dato' Ramli bin Haji Din, Setiausaha Polis Diraja Malaysia, SAC Dato' Zulkapli bin Ahmad, Timbalan Pengarah II, Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi, SAC Dato' Haji Azri bin Ahmad, Timbalan Pengarah III, Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi serta Pegawai-pegawai Kanan PDRM.



## POLIS & MASYARAKAT: PDRM BANTU MANGSA BANJIR

Oleh : ASP Md Aruwan Md Amilah

Penghujung tahun 2014, negara diduga dengan bencana banjir luar biasa yang melanda beberapa negeri di Semenanjung. Seluruh jentera kerajaan yang terbabit dalam pengurusan banjir digerakkan sepenuhnya demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan orang awam.

Banjir yang melanda kali ini turut memberi cabaran besar kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam melaksanakan tugas dan tanggung jawabnya kepada mangsa banjir di mana sebanyak 21 balai polis di Kelantan, Terengganu dan Pahang sudah rosak akibat ditenggelami banjir. PDRM sedang dalam proses mengenal pasti kerosakan infra struktur dan peralatan yang musnah bagi membolehkan pihak polis terus memberikan perkhidmatan kepada masyarakat setempat dalam usaha mungurangkan kehilangan jiwa dan harta benda.

Fokus PDRM sekarang ialah memberi bantuan kepada mangsa banjir daripada segi memudahkan penghantaran bekalan makanan dan tenaga kerja bagi membersihkan rumah mangsa banjir. Dalam hal ini, seramai lebih kurang 10,000 anggota polis dikerahkan bagi memastikan bantuan makanan sampai kepada mangsa banjir, selain membantu mangsa banjir yang memerlukan bantuan



daripada pelbagai aspek. Selain itu, PDRM turut memberi perhatian untuk memastikan kegiatan pecah rumah tidak berlaku kerana terdapat pihak yang mengambil kesempatan di dalam saat genting sebegini.

Warga PDRM yang bertugas di negeri yang dilanda banjir turut terjejas bukan saja dari sudut kerosakan pada balai tempat bertugas, malah keluarga mereka juga terpaksa dipindahkan ke pusat penempatan sementara kerana rumah mereka turut ditenggelami air. Di sini menunjukkan komitmen pegawai dan anggota polis yang sanggup meneruskan tanggungjawab terhadap masyarakat dan membiarkan ahli keluarga mencari perlindungan di pusat pemindahan.

PDRM dan lain-lain agensi terbabit akan terus berusaha untuk memastikan mangsa banjir menerima bantuan yang diperlukan. Begitu juga dengan masyarakat prihatin Malaysia, pertubuhan dan syarikat korporat yang sudah menghulurkan pelbagai bentuk

# Nasib Mangsa Banjir Terbela

► Oleh : Kpl Shareel Sharimah, Kpl Aslam Syir Khan

**Bukit Aman, 14 Januari** – Penyerahan cek kepada mangsa banjir telah diadakan di Dewan Theatre, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Sejumlah RM931,510 hasil daripada sumbangan warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui pemotongan gaji disalurkan kepada 1,575 keluarga warga PDRM yang dilanda bencana banjir. Badan-badan korporat, orang perseorangan dan Kontinjen-kontinjen PDRM juga turut menyumbang RM 602,215.

Dato' Seri Mohd Fuzi Harun, Pengarah Pengurusan PDRM, berkata, hasil sumbangan ini sedikit sebanyak dapat



meringankan bebanan keluarga yang ditimpa bencana banjir.

Kata beliau lagi, sumbangan daripada Yayasan Al-Bukhary sebanyak RM100,000 akan digunakan untuk membeli kelengkapan persekolahan anak-anak warga PDRM yang terjejas banjir.

Turut hadir, Dato' Zubaidah Md. Ismail, Pengarah Jabatan Integriti Dan Pematuhan Standards (JIPS), Pegawai-pegawai Kanan PDRM dan wakil-wakil media.



**Bukit Aman, 28 Januari** – Warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang mengalami musibah banjir baru-baru ini telah menerima bantuan sebanyak RM70 ribu ringgit daripada Yayasan Pengaman Malaysia.

Majlis telah disempurnakan oleh Tan Sri Norian Mai, Pengerusi Yayasan Pengaman Malaysia dan diterima Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara yang berlangsung di Tingkat 31, Menara 1, Bukit Aman.

Majlis turut disaksikan oleh Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Husin Ismail, Timbalan Pengerusi Yayasan Pengaman Malaysia.

## Yayasan Pengaman Malaysia Ringankan Beban Mangsa Banjir Keluarga Polis

► Oleh : L/Kpl Raymond Martin



## PDRM Terima Sumbangan Kemanusiaan

◀ Oleh : Kpl Edwin Indo



**Kuala Lumpur, 27 Januari**—Syarikat Zulian Marketing Sdn. Bhd. telah menyampaikan sumbangan berupa kelengkapan tidur, beras, dan makanan kering berjumlah RM220 ribu ringgit kepada warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) bahagian pantai timur yang mengalami musibah banjir sejak Disember lalu.

Sumbangan telah diserahkan oleh Dato' Mohammad Nasir Ramli Komander Briged Utara Pasukan Gerakan Am (PGA), selaku wakil Syarikat Zulian Marketing Sdn. Bhd. Kepada Dato' Azman Yusof, Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (PGA), dalam satu majlis ringkas di Dewan Simulasi, PULAPOL Kuala Lumpur.



### Kunjungan Hormat Penasihat Kumpulan Albukhary



**Bukit Aman, 6 Januari** – Dato' Abdul Aziz Shahar, Penasihat Kumpulan Albukhary telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Dato' Seri Mohamad Fuzi Harun, Pengarah Jabatan Pengurusan PDRM di Tingkat 30, Menara 2, Bukit Aman.

### Kunjungan Hormat Executive Director Amnesty International Malaysia



**Bukit Aman, 8 Januari** – Shamini Darshni, Executive Director Amnesty International Malaysia telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

### Kunjungan hormat United Nations Special Rapporteur On Trafficking in Persons

**Bukit Aman, 24 Februari** – Ms. Maria Grazia Giammarinaro, United Nations Special Rapporteur On Trafficking in Persons telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.



### Kunjungan Hormat Deligasi The Republic of Yemen

**Bukit Aman, 10 Mac** – H.E (Ambassador) Mohammed Motahar Al Ashabi, Charge D'Affaires A.I. of The Embassy of The Republic of Yemen telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.



### Kunjungan Hormat Malaysian Industry-Goverment Group For High Technology (MIGHT)

**Bukit Aman, 27 Mac** – Y.Bhg Prof Tan Sri Zakri Abdul Hamid, Penasihat Sains YAB Perdana Menteri telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.




### Kunjungan Hormat Deligasi Kazakhstan

**Bukit Aman, 10 Mac** – H.E. Daniyar Sarekenov, Ambassador of The Republic of Kazakhstan telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.



### Kunjungan Hormat Executive Director Amnesty International Malaysia

**Bukit Aman, 21 Januari** – Mr. Liao Jin Rong, Director General International Cooperation Department Ministry of Public Security, China telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.



### Civi. Pol Temui Timbalan Ketua Polis Negara



**Bukit Aman, 5 Mac** – Prefect Remi Thuau, Director Of Civi. Pol membuat kunjungan hormat ke atas Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara di Bilik tetamu, Tingkat 31, Menara 1, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman .

### Ketua Pengarah JPNIN temui Ketua Polis Negara



**Bukit Aman, 6 Februari** – En. Gandesan A/L Letchumanan, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara Integrasi Nasional membuat kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara , di bilik Tetamu Ketua Polis Negara, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman .

### Pengarah Jabatan Narkotik Singapura temui Timbalan Ketua Polis Negara



**Bukit Aman , 3 Mac** – Mr. Ng Ser Song, Pengarah Jabatan Narkotik Singapura membuat Kunjungan Hormat ke atas Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara di Bilik Tetamu, Tingkat 31, Menara 1 Ibu Pejabat Polis Bukit Aman .


### Senator Hon Stephen Parry temui Ketua Polis Negara



**Bukit Aman, 11 Mac** – Senator Hon Stephen Parry, President Of The Australian Senate membuat kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Polis Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara di Bilik Tetamu, Menara 1, Tingkat 31 Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

# Malam Mes Sempena Peringatan Hari Polis Ke-208 'Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada'

► Oleh : Konst Sathish Menon A/L Sivaraman, Konst Shazril Abd Rashid



**Subang Jaya, 25 Mac** – 'Polis Dan Masyarakat Berpisah Tiada' adalah tema sempena Hari Polis Kali Ke-208 pada tahun ini. Tema yang memberi seribu makna ini menjadi bukti bahawa Polis Diraja Malaysia (PDRM) bukan sahaja sebuah penguatkuasa undang-undang di dalam negara, malah menjadi sebuah organisasi yang mesra masyarakat.

Sempena Hari Polis Ke-208, Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara telah menghadiri Malam Mes Hari Polis Kali Ke-208 di Dorsett Grand Subang Hotel Subang Jaya, Selangor.

Seperti kebiasaan, Majlis Malam Mes adalah menjadi satu tradisi pasukan bukan sahaja untuk meraikan penubuhan PDRM yang kini menjangkau 208 tahun penubuhan, malah dalam pelbagai tujuan lain juga. Majlis Malam Mes bertujuan untuk mempertingkatkan semangat setia kawan atau 'esprit de corps'. Selain itu, majlis turut dihadiri oleh ahli-ahli Persatuan Keluarga Polis Diraja Malaysia (PERKEP) seluruh negara.





Melalui tema Peringatan Hari Polis pada tahun ini, 'Polis Dan Masyarakat Berpisah Tiada' dilihat amat bertepatan dengan konsep kepolisan pada masa kini. Bak kata pepatah, 'Bagai Aur Dengan Tebing', masyarakat dan PDRM saling memerlukan di antara satu dengan yang lain bagi mengeratkan kerjasama yang baik dalam memantapkan dan menjaga ketenteraman awam di seluruh negara. Berikutan itu, PDRM dan masyarakat telah melalui proses transformasi untuk merakyatkan institusi kepolisan melalui pelbagai program seperti 'Community policing'.

Turut hadir, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri, Tun Mohammed Hanif Omar, Mantan Ketua Polis Negara, Tan

Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Alwi Hj Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara dan Datuk Seri Mohamad Salleh, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Malam Mes Sempena Peringatan Hari Polis Ke-208.



## SAMBUTAN SEMPENA PERINGATAN HARI POLIS KE-208 DISAMBUT SEDERHANA

Oleh : Sjn Zaidin, Kpl Shareel Shariman, Kpl Aslam Syir Khan

**Kuala Lumpur, 25 Mac – Perbarisan Sempena Peringatan Hari Polis Ke-208 semalam disambut sederhana namun meriah. Sambutan yang berlangsung di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur itu mempamerkan kekuatan anggota dan aset Polis Diraja Malaysia (PDRM) kepada orang awam. Reaksi positif dan memberangsangkan diterima daripada penonton ketika ditemui di sini. Rata-rata mereka teruja dan kagum dengan pertunjukan yang disediakan.**

Setiap tahun, Anugerah Integriti akan diberikan kepada pegawai, anggota dan pegawai awam yang mempamerkan rekod perkhidmatan cemerlang. Untuk sambutan pada tahun ini, seramai 15 orang telah menerima anugerah tersebut yang disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohamad Najib Tun Haji Abdul Razak.

Buat julung kalinya juga, sambutan Hari Polis ke-208 telah memperkenalkan ahli-ahli Persatuan Komuniti Malaysia kepada penonton selaras dengan usaha PDRM untuk merapatkan hubungan dengan masyarakat yang bertujuan membantu pihak berkuasa dalam pencegahan jenayah.

Kemuncak sambutan yang diadakan adalah pertunjukan gimik khas demonstrasi menumpaskan sindiket pemerdagangan manusia yang menampilkan gabungan elemen kepolisan oleh Pasukan Petugas Khas Jenayah Terancang (STAFOC), Skwad Taktikal Khas Antimaksiat, Perjudian dan Gengsterisme (STAGG), Skwad Anjing Pengesan K9.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar dalam ucapan beliau menzahirkan rasa gembira dan bangga di atas pencapaian cemerlang pasukan PDRM sepanjang 208 tahun berkhidmat kepada masyarakat. Beliau turut mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada pasukannya di atas kerjasama yang mantap dalam menjaga dan mengekalkan keamanan negara.



"Dengan tema pada tahun ini, 'Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada', konsep 'community policing' dilihat mampu merealisasikan tema yang dipilih.

"Terdapat tiga pendekatan yang digunakan dalam konsep ini iaitu membudayakan masyarakat tentang tanggungjawab bersama dalam mencegah jenayah, menghapuskan peluang melakukan jenayah dan mengurangkan persepsi negatif masyarakat terhadap isu keselamatan negara," tambah beliau.

"Selain itu, PDRM akan memperkukuhkan lagi program dan inisiatif untuk mengurangkan kadar jenayah di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) seperti High Profile Policing, Stop and Talk, Meet and Greet, Rakan Cop dan Go To Safety Point," jelas beliau lagi.

Sebelum mengakhiri ucapan, Tan Sri Dato' Sri Khalid menjelaskan kejayaan agenda pencegahan jenayah bergantung kepada komitmen yang diberikan oleh kedua-dua belah pihak dan kerjasama antara polis dan masyarakat perlulah berada di tahap yang terbaik.





## PDRM – RTM PERKUKUHKAN KERJASAMA

Oleh : ASP Md Aruwan ND Amilah, L/Kpl Iqbal Nasrudin

**Kuala Lumpur, 10 Feb** – Stesen Radio Televisyen Malaysia (RTM) menerima kunjungan Lawatan Kerja Bahagian Urus Setia Ketua Polis Negara (Komunikasi Korporat) Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman, yang diketuai oleh ACP Datin Asmawati Ahmad bersama pegawai-pegawai kanan bahagian tersebut.

Lawatan yang julung kali diadakan oleh Urus Setia Ketua Polis Negara (Komunikasi Korporat) ke RTM bertujuan mengertakan lagi kerjasama di antara PDRM dan RTM dalam menjadi penghubung kepada masyarakat serta membincangkan perancangan aktiviti dan program di antara kedua-dua agensi.

Pertemuan diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Wisma TV, Angkasapuri itu dan delegasi disambut oleh Puan Rohani binti Harituddin, Pengarah Bahagian Perhubungan Raya RTM bersama pegawai-pegawai RTM.

Terdahulu PDRM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama yang diberikan oleh pihak RTM sepanjang tahun-tahun sebelum ini dalam membuat liputan dan siaran langsung bagi setiap program anjuran PDRM serta slot-slot khas radio yang diberikan kepada pihak PDRM.

Dalam lawatan ini, beberapa perkara dibincangkan seperti pengisian program yang melibatkan promosi, hebahan, temubual khas, siaran langsung dan lintas langsung untuk Sambutan Peringatan Hari Polis ke 208 Tahun yang bakal disambut pada 25 Mac ini dan Sambutan Hari Pahlawan pada 30 Julai nanti.

Delegasi PDRM kemudiannya turut dibawa melawat ke studio-studio yang beroperasi dan sempat meluangkan masa untuk beramah mesra dengan kakitangan RTM.



## PDRM PERINTIS AKREDITASI PROGRAM LATIHAN ASAS KEPOLISAN DI DUNIA

► Oleh : Kpl Aslam Syir Khan & L/Kpl Irfan Bujang

**Kuala Lumpur, 9 Mac** – Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mencipta sejarah dalam inovasi di bidang latihan asas kepolisan sekaligus menjadikan Malaysia satu-satunya negara di dunia yang mendapat akreditasi bagi program tersebut.

Melalui Kolaborasi Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Universiti Derby, PDRM telah mencipta satu sejarah dalam inovasi bidang latihan asas kepolisan dengan mengadakan Majlis Graduasi Pertama Program Latihan Asas Kepolisan (PLAK) PDRM / Universiti Derby 2015 telah diadakan di Dewan Sultan Hj. Ahmad Shah, Maktab Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kuala Lumpur, semalam.

Majlis penyampaian Diploma in Policing oleh Universiti Derby telah disampaikan oleh Naib Canselor Universiti Derby, Prof. John Coyne.


Berucap dalam majlis tersebut, Ketua Polis Negara menekankan bahawa setiap anggota bukan saja perlu berkemahiran tinggi dalam hal-hal kepolisan, malah perlu memiliki ilmu akademik agar sejajar kehendak semasa demi memberikan perkhidmatan kelas dunia kepada masyarakat.

Program ini juga diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan mendapat akreditasi penuh oleh Quality Assurance Agency for Higher Education United Kingdom (QAA), melalui kerjasama dengan Universiti Derby, United Kingdom dalam modul akademik, latihan fizikal dan amali.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Dato' Sri Adenan Ab Rahman, British High Commissioner Kuala Lumpur, Victoria Marguerite Treadell, dan Timbalan Ketua Polis Negara, Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim.



# PDRM - ATM TINGKAT KEUPAYAAN SALING KHIDMAT MELALUI MNCTX



► Oleh : ASP Norsuzila Kamarudin, L/Kpl Iqtar Azmi

**Langkawi, 16 Mac - Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bergabung untuk meningkatkan keupayaan**

**saling khidmat dan inter-operabiliti ketenteraan di antara negara-negara Persatuan Negara-negara Asia Tenggara atau Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) dan United Arab Emirates (UAE) melalui Eksesais Melawan Keganasan Pelbagai Negara atau "Multination Counter Terrorism Exercise" (MNCTX) 2015.**

Eksesais yang diilhamkan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) ini adalah bagi menangani krisis yang boleh mengganggu gugat keselamatan serta kepentingan negara selain mengukuhkan hubungan ketenteraan, menggalakkan kerjasama dan mendorong pertukaran maklumat di antara tentera dan polis negara-negara ASEAN dan UAE.

MNCTX yang julung kali diadakan ini melibatkan penyertaan dari sepuluh buah negara ASEAN dan UAE dan telah dirasmikan oleh Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Zahid Hamidi, di Lapang Sasar Menembak Antarabangsa Langkawi (LISRAM). Seramai 173 peserta terlibat dari dalam dan luar negara dengan PDRM diwakili oleh Pasukan Komando VAT 69 dan Unit Tindakan Khas (UTK).

Eksesais selama tujuh hari ini juga melibatkan Pasukan Grup Khas (GGK), Pasukan Khas Laut (PASKAL), Pasukan Khas Udara (PASKAU) serta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Turut hadir adalah Ketua Polis Negara, Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zain, Pengarah Jabatan Ketenteraman Awam dan Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Muhammad Fuad Abu Zarim serta pegawai-pegawai tertinggi PDRM dan ATM.





## 144 Buah Motosikal Bantu ATM Cegah Jenayah di bawah Inisiatif NBOS

↳ Oleh : Kpl Edwin Indo, L/Kpl Mohd Iqbal Nasruddin

**Bukit Aman, 23 Januari** – Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah menerima sebanyak 144 buah motosikal jenis Honda Wave dalam satu majlis rasmi Penyerahan 144 Buah Motosikal Honda Wave Kepada ATM Di Bawah Program Strategi Lautan Biru (NBOS), jalinan kerjasama PDRM dan ATM.

Majlis penyerahan disempurnakan oleh Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara kepada Leftenan Jeneral Dato' Seri Panglima Haji Ahmad Hasbullah Haji Mohd Nawawi, Timbalan Panglima Tentera Darat di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Bantuan logistik ini antara inisiatif bagi meningkatkan prestasi rondaan polis dan tentera dalam usaha mencapai pengurangan kejadian pecah rumah sebanyak 5% hingga 10% setahun sekaligus mengurangkan jenayah indeks dan meningkatkan persepsi positif terhadap keselamatan dikalangan masyarakat.

Dalam usaha memperkasakan kerjasama ini serta penguatkuasaan yang efektif, maka keperluan logistik juga adalah perkara penting yang perlu diambil kira. Justeru itu, pada April 2014 lalu, Urusetia NBOS Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah meminta PDRM menguruskan perolehan sebanyak 144 unit motosikal untuk program NBOS di bawah inisiatif ini dengan menggunakan peruntukan NBOS yang ditempatkan di Bukit Aman.



# Persembahan HUMDINGA (High Speed Amphibian) & Quadski XL

Oleh : L/Kpl Iqbal Nasruddin



MENYUSURI TEKNOLOGI



Putrajaya, 10 Mac – Satu persembahan demonstrasi kenderaan HUMDINGA dan Quadski telah diadakan di Pangkalan Polis Marin Putrajaya, Kuala Lumpur. Kenderaan serbaguna Amfibia Humdinga dan Quadski XL jenis Dual Purpose Jetski / ATV (RWD) ini dilengkapi dengan aksesori sepenuhnya yang berupaya dioperasikan di darat dan di air.

Kedua-dua kenderaan ini yang bersifat Amfibia membolehkan ia digerakkan tanpa sebarang halangan di dalam sebarang bentuk situasi serta muka bumi dan amat sesuai untuk kegunaan unit-unit khas dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Turut hadir dalam demonstrasi ini Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara, Dato' Pahlawan Zulkifli Abdullah, Pengarah Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi (StaRT), dan Dato' Muhammad Fuad Abu Zarim, Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri / Ketenteraman Awam (KDN/KA).

# KPN Puji Usaha Syarikat Daisheng Terap Nilai Kepolisan Dalam Produk

► Oleh : L/Kpl Mohd Iqbal Nasruddin L/Kpl Raymond Martin



**Kuala Lumpur, 6 Februari** – Usaha Daisheng (M) sdn Bhd, sebuah syarikat yang mengeluarkan mainan berbentuk kenderaan mini dan boleh digunakan untuk beberapa tujuan pendidikan telah mendapat reaksi positif oleh masyarakat amnya.

Dalam satu majlis ulang tahun syarikat tersebut, Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara telah menyuarakan sokongannya terhadap inisiatif syarikat tersebut dalam mengeluarkan produk yang mempunyai nilai pendidikan sampingan serta Inovasi Daisheng dalam menggabungkan mesej-mesej pendidikan tentang PDRM ke dalam model kenderaan dan aset mini mereka.

Inisiatif tersebut akan membantu menyemai pemahaman lebih kukuh di kalangan generasi yang lebih muda, berkenaan PDRM dan peranannya dalam penguatkuasaan undang-undang. Selain itu, ia dapat terus meningkatkan intelektual, sosial, emosional, dan pembangunan fizikal di kalangan anak-anak dari generasi ke generasi, seterusnya memacu minat mereka menyertai PDRM dan berkhidmat kepada Negara.

Syarikat Daisheng (M)Sdn Bhd juga turut menyumbang sebanyak RM30,000 kepada Tabung Kebajikan PDRM dan diterima oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara. Majlis ulang tahun ke 33 Daisheng (M)Sdn Bhd turut dihadiri oleh Dato' Gnatuadan Mohd Othman, Group Advisor Daisheng (M) Sdn Bhd, dan Mr Chia Ah Kau, Ketua Pegawai Eksekutif Daisheng (M) Sdn Bhd.

# STING-JSJN Patahkan Cubaan Seludup Daun 'KHAT'

► Oleh : L/Kpl Irfan Bujang



KEJAYAAN

**Kuala Lumpur, 9 Januari – Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) dan Special Tactical Intelligence Narcotics Group (STING) telah berjaya mematahkan percubaan menyeludup dan mengedar dadah baharu yang dikenali sebagai daun 'khat' ke negara ini dalam operasi yang dijalankan pada 7 sehingga 8 Januari yang lalu**

Pihak polis turut merampas sejumlah 90.78 kilogram (kg) daun 'khat' (cathinone) di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur serta menahan empat orang lelaki yang terdiri daripada dua rakyat tempatan dan dua warganegara asing.

Hasil siasatan awal mendapati salah seorang suspek warga asing yang ditahan menggunakan pas pelawat

untuk memasuki negara ini manakala seorang lagi suspek warga asing adalah merupakan pelajar kolej swasta tempatan.

Kesemua suspek yang berumur lingkungan 19 sehingga 54 tahun itu telah ditahan reman untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.



# PASUKAN POLIS MARIN: TIADA HARI TANPA KEJAYAAN



**Sejak penubuhannya pada 1 September 1947, Pasukan Polis Marin (PPM) melalui pelbagai proses pembaharuan dan pembesaran sama ada daripada aspek fungsi, peranan dan tanggungjawab, infrastruktur mahu pun kemudahan logistik.**

Pembesaran itu sejajar dan setimpal dengan tugas dan tanggung jawab PPM yang lebih luas serta mencabar seperti mencegah dan membanteras kemasukan pendatang haram, pencemaran laut, pencerobohan perairan negara oleh nelayan asing, penyeludupan dan kegiatan jenayah rompak.

Perubahan dan pembaharuan yang dilakukan adalah untuk memperkasakan PPM agar dapat menangani cabaran semasa demi menjamin keselamatan, ketenteraman dan keamanan masyarakat maritim khususnya dan kedaulatan perairan negara amnya.

Selama kewujudannya, PPM membuktikan komitmen dan kemampuannya memikul tanggung jawab yang diamanahkan. Kini kemampuan PPM turut terserlah

dalam usaha memerangi pelbagai bentuk aktiviti penyelewengan dan penyeludupan yang berupaya menjejaskan kepentingan ekonomi negara.

Namun, PPM sudah berjaya mengambil tindakan penguatkuasaan yang berkesan dalam menangani gejala penyelewengan dan penyeludupan dengan catatan tangkapan dan rampasan membanggakan.

Keputusan 'No Boundary Restriction' kerajaan dengan membenarkan PPM melaksanakan tanggung jawab serta memainkan peranan aktif di perairan, adalah satu langkah yang tepat.

Dengan kepercayaan itu, PPM dapat menyumbangkan kepakaran dan tenaga bagi mempertingkatkan tahap keselamatan dan ketenteraman di perairan negara.

Dengan aset baru yang bakal di peroleh, PPM yakin dapat bertindak dengan lebih cekap dan pantas apabila berlaku kejadian di perairan yang memerlukan tindakan serta-merta.



# PERKEP Ringankan Beban Mangsa Banjir

► Oleh : ASP Nor Hamizah Abu Bakar

**Kuala Lumpur, 4 Februari** – Majlis “FLAG OFF” oleh Pengerusi PERKEP Malaysia sempena bantuan PASCA banjir di Kontinjen Kelantan telah diadakan di Pusat Simulasi Taktikal, Pulapol Kuala Lumpur.

Bencana banjir yang berlaku bukan sahaja memberi kesan kepada penduduk di negeri tersebut, malah turut dirasai oleh sebilangan besar warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang berkhidmat di sana dan menyebabkan ahli keluarga warga PDRM terpaksa berpindah ke penempatan sementara kerana mengalami kerugian harta benda akibat kerosakan rumah kediaman serta pelbagai kelengkapan dan peralatan peribadi masing-masing

Konvoi yang akan berlepas terdiri daripada 1 buah bas yang akan membawa semua setiausaha PERKEP Jabatan, serta wakil jabatan dan 14 buah lori yang akan membawa petugas serta barangan.

Sumbangan ini akan disalurkan kepada keluarga warga PDRM yang dilanda bencana banjir. Hasil sumbangan ini sedikit sebanyak dapat meringankan bebanan keluarga yang ditimpa bencana banjir.

Turut hadir, Puan Sri Dato' Ibrahim, Pengerusi PERKEP Malaysia dan Datin Seri Shahriza Saad, Naib Pengerusi PERKEP Malaysia.



# Sepetang Bersama Selebriti

► Oleh : Kpl Aslam Syir Khan

**Bukit Aman, 26 Februari** – Majlis Sepetang Bersama Selebriti anjuran PERKEP JIPS dan Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ W.P) telah diadakan di Dewan Masjid Bukit Aman.

Ceramah yang bertajuk “Wasiat Rasulullah S.A.W Untuk Wanita” telah disampaikan oleh Ustaz Harryanto Rizal Rokman dan Farah Asyikin . Ceramah ini boleh kita jadikan panduan dalam meniti kehidupan bergelar muslimah sejati dan wanita yang solehah.

Dalam masa yang sama warga PERKEP juga ada membuat jualan amal di perkarangan Dewan Masjid Bukit Aman.

Turut hadir Dato’ Zubaidah Md Ismail, Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) dan Datin Sri Shahriza Saad @ Mansor, Naib pengerusi PERKEP Malaysia.



## Jom memasak PERKEP bersama Madam Chung Bee Bee

**Bukit Aman, 6 Januari** – Program Jom Memasak PERKEP bersama Madam Chung Bee Bee telah diadakan di Rumah PERKEP Malaysia.

Kesihatan diri merupakan harta yang paling berharga namun ramai yang tidak menyedari sehingga ditimpa sesuatu penyakit yang tenat.

Punca utama serangan penyakit-penyakit tenat seperti kanser dan penyakit jantung ialah kerana tidak memakan makanan yang sempurna dan kurang memakan makanan yang berkhasiat .Corak pengambilan makanan yang teratur sepatutnya dimulakan sejak awal lagi.

Dengan itu Ahli PERKEP Malaysia telah membuat program jom memasak bersama Perkep bagi pengambilan makanan yang berkhasiat untuk memastikan kesihatan yang baik.

Turut hadir Puan Sri Dato’ Imran Ibrahim, Pengerusi PERKEP Malaysia dan Datin Sri Shahriza Saad Mansor Naib Pengerusi PERKEP Malaysia.



► Oleh : Kpl Aslam Syir Khan



## Rujirawongse Cup 2015: Simbol Persahabatan PDRM-RTP

► Oleh : ASP Md Aruwan Md Amilah, F29 Siti Fatimah Abd. Manan



**Bangkok, 22 Jan** - Ketua Polis Negara Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar hadir sebagai tetamu jemputan dalam Perasmian Kejohanan Ragbi Piala Rujirawongse Ke-30 yang diadakan di Stadium Boonyachinda, Bangkok, Thailand sebagai simbolik persahabatan antara agensi penguatkuasa utama bagi kedua-dua buah negara, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Polis Diraja Thailand (RTP).

Ucapan perasmian telah disampaikan oleh wakil Ketua Polis Thailand, Jeneral Chaiya Siriamphukul.

Turut dipersembahkan aksi gimik oleh pasukan SWAT RTP yang membawa piala kejohanan dan kemudiannya diserahkan kepada Ketua Polis Negara sebagai tanda kejohanan telah bermula.

Dalam pertandingan itu, pasukan RTP telah merangkul kejuaraan dengan kemenangan tipis selepas mengalahkan pasukan PDRM 23-18.

Perlawanan ragbi tradisional tahunan antara dua negara ini dimulakan oleh Polis Diraja Thailand sejak dari tahun 1961 dan penganjuran oleh kedua-dua negara diteruskan secara silih berganti.



# The Cops Sasarkan Sekurang-Kurangnya Satu Piala



► Oleh : ASP Md Aruwan Md Amilah, Kpl Edwin Indo

**2 Feb, Putrajaya** - Skuad bola sepak Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau lebih dikenali sebagai 'The Cops' mahu tampil cemerlang sama seperti kejayaan menjulang gelaran juara Liga Premier musim lalu.

"Kami mensasarkan akan memenangi satu piala musim ini, kerana saya komited mereka boleh berbuat demikian berdasarkan prestasi yang dipamerkan musim lalu, semuanya kita telah sediakan dan yang tinggal hanya usaha dan komitmen mereka untuk melaksanakan apa yang kita impikan selama ini," ujar Presiden Persatuan Bola Sepak (PDRM), Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim semasa majlis Pelancaran dan Pengenalan Pasukan Bola Sepak PDRM di Putrajaya semalam.

Memandangkan skuad 'The Cops' turut cemerlang dalam kejohanan Piala Rakyat Maldives 2015 (POMIS) baru-baru ini, beliau turut yakin bahawa skuad kendalian Azman Adnan itu mampu meraih sekurang-kurangnya satu piala bagi musim ini yang akan membuka tirai Sabtu depan.

Turut hadir dalam majlis tersebut, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar.

Sebagai rekod, bagi menguatkan jentera skuad 'The Cops' musim ini, seramai empat pemain baharu telah dibawa masuk yang terdiri daripada Mohd Nurul Azwan Roya,

Mohd. Faizal Abu Bakar, Saiful Amar Sudar dan Mohd Lot Abu Hassan.

Daripada 22 aksi Liga Premier 2014, PDRM berjaya meraih 16 kemenangan, seri (empat) dan kalah (dua).

Dalam perkembangan yang sama, Ketua Jurulatih, Azman Adnan mengakui bukan mudah beraksi di Liga Super dan ia satu tanggungjawab besar kepadanya.

Walau bagaimanapun, beliau akan mengambil pendekatan untuk hadapi satu demi satu perlawanan dan cuba raih kemenangan atau melakukan kejutan untuk memenangi satu piala musim ini.





## ATLET PDRM *Diraikan*

► Oleh : Kpl Edwin Indo



**Kuala Lumpur, 31 Mac** – Kira-kira 12 atlet Polis Diraja Malaysia (PDRM) dirai atas usaha dan pengorbanan mereka menaikkan mutu sukan tempatan dan antarabangsa dalam satu majlis yang diadakan di Dewan Banquet Maktab PDRM, malam tadi.

Antara penerima anugerah ialah L/Kpl/S Venugopal Rajendran (Olahraga), Kons/S Muhammad Hizlee Abdul Rais (Boling Padang), L/Kpl/S Mohd Fauzan Ahmad Lutfi (Lumba Basikal), DSP Bibiana Ng Pei Chin (Sukan Menembak), L/Kpl/S Azlina Arshad (Boling Padang) dan L/Kpl/S Noor Amelia Musa (Olahraga).

“Saya dan seluruh warga PDRM amat berbangga kerana PDRM menyumbangkan beberapa pingat kepada negara dan meletakkan pasukan negara di tempat yang boleh dibanggakan”, ujar Ketua Polis Negara, Tan Sri Dato’ Sri Khalid Abu Bakar dalam ucapan.

Turut menerima anugerah adalah Sub Inspektor Sazali Abd Samad yang berjaya mempertahankan kejuaraan dalam Bina Badan Dunia buat kali ke-10, Datuk Dell Akhbar Khan, tokoh bekas pemain bola sepak, Datuk Sabiamad Abdul Ahad, tokoh sukan menembak dan Datuk Nashatar Singh, tokoh sukan olahraga yang pernah mengharumkan nama PDRM sekaligus menjulang nama negara.

Majlis turut dihadiri oleh Pengarah Pengurusan PDRM, Dato’ Seri Muhamad Fuzi Harun merangkap Pengerusi Majlis Sukan PDRM, Ketua-ketua Polis Negeri, Setiausaha Kehormat Majlis Kebajikan Sukan Anggota Kerajaan (MAKSAK) Malaysia, Encik Ahmad Faedzal Mat Ramli, dan rakan media.



## **ILUSTRASI TEMA HARI POLIS SEMPENA PERINGATAN HARI POLIS KE - 208 TAHUN 2015**

### **“Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada”**

**“Sejajar dengan usaha kerajaan untuk merakyatkan perkhidmatan awam, PDRM juga tidak ketinggalan untuk merakyatkan kepolisan.**

**Masyarakat dan polis saling perlu dan memerlukan serta bergandingan bagi menjamin kesejahteraan kehidupan. Permuafakatan antara masyarakat dan polis penentu kebersanan pelaksanaan perundangan negara. Polis tidak dapat berfungsi tanpa masyarakat, masyarakat tidak akan sejahtera tanpa polis”**

### ***“Police And Society Are Inseparable”***

***“In line the government’s effort to make the civil service more people-centric, the Royal Malaysia Plice (RMP) has undergone tranformation to become more people-oriented.***

***The society and police are interdependent and must work togethet to bring about peace and prosperity. The police cannot function effectively eithout the support of the people. In turn, the well being of the community depends on the services of the police”***

# CRIME ALERT: Tunjuk, Henti & Samun

## CRIME ALERT: Tunjuk, Henti & Samun

Baru-baru ini telah dikesan taktik penjenayah yang cuba melakukan rompakan terhadap pemandu kereta yang sedang memandu di jalan raya.

Taktik yang diguna pakai penjenayah seperti berikut:

- Menunggang sebuah motosikal yang dinaiki dua lelaki dan menunjukkan tanda isyarat tangan ke arah tayar bahagian kiri atau kanan.
- Sekiranya pemandu tidak berhenti pada waktu itu, datang sebuah motosikal lain (kedua) dinaiki dua lelaki menunjukkan perkara yang sama bagi mewujudkan rasa khuatir dalam diri pemandu supaya memberhentikan kenderaan ke bahu jalan.
- Apabila pemandu memberhentikan kenderaan, suspek akan turun dari motosikal dan menuju ke bahagian kiri atau kanan tayar dan meminta pemandu melihat kerosakan yang dialami.
- Pada masa yang sama, motosikal yang dinaiki dua lelaki yang pertama turut memberhentikan motosikal mereka tidak jauh dari kenderaan mangsa.
- Apabila mangsa keluar dari kenderaan atau menurunkan cermin kereta. Suspek dari motosikal pertama akan bertindak melarikan kereta mangsa atau memaksa mangsa untuk keluar dari kenderaan sebelum melarikan kereta.

## NASIHAT

1. Sekiranya anda berada dalam keadaan yang dinyatakan terus memandu ke balai polis berdekatan atau kawasan yang ramai orang atau berhenti di kawasan 'safety point' antaranya 7-Eleven, Pos Malaysia dan stesen minyak Petron.
2. Tidak panik dan kenal pasti nombor kenderaan yang dinaiki suspek seperti (jenis motosikal, warna, nombor pendaftaran, bangsa, pakaian dan jantina).
3. Memastikan nombor telefon bilik gerakan mana-mana balai polis berdekatan.
4. Membunyikan hon kereta beberapa kali untuk menarik perhatian menggunakan jalan raya sekiranya berada dalam situasi kecemasan.
5. Jangan menggadai nyawa sekiranya berlaku pergelutan dengan suspek untuk mempertahankan harta benda.

